

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Sidang Raja2 tetapkan penentuan raya: Dr. M

BUKIT FRASER, Ahad — Cara menentukan Hari Raya Puasa telah ditetapkan oleh Persidangan Raja-raja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau tidak dapat mengulas lebih lanjut pengisytiharaan Sultan Perak yang mengumumkan Hari Raya Puasa di Negeri Perak jatuh sehari-lebih awal dari negeri-negeri lain.

Bercakap kepada para pemberita

semasa melawat tapak pembinaan Universiti Islam, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, jika beliau diminta mengeluarkan pandangannya oleh Persidangan Raja-raja untuk menentukan sama ada Hari Raya mengikut rukyah atau hisab, beliau akan berbuat demikian.

Tambahnya, soal untuk menentukan tarikh Hari Raya ditentukan sendiri oleh Raja-raja yang mempunyai kuasa atau di Persidangan Raja-raja.